

Kejayaan manis lagi bermakna



SUSUNAN bunga dan pergola yang rapi.

Oleh **ABD.NADDIN HJ.SHAIDDIN**
 abdnaddin@yahoo.com
 06 13 07 2012 B1

SEKOLAH Pertanian Lestari (SPL), UMS Kampus Sandakan (UMSKS) telah memenangi Anugerah Khas Juri di bawah kategori Pameran Taman Universiti di majlis penutupan Festival Bunga & Taman Putrajaya 2012 yang berlangsung di Pesiaran Tasik, Presint 2, Putrajaya.

Festival berkenaan yang juga dikenali sebagai FLORIA 2012 disifatkan sebagai acara terulung seumpamanya di negara ini kerana membawa koleksi terbesar bunga-bunga serta menerima pengunjung mencecah angka juta.

Ia telah bermula sejak 8 Jun 2012 dan dirasmikan oleh Raja Permaisuri Agong, Sultanah Haminah. Majlis penutupannya telah disempurnakan pada 8 Julai 2012 oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Malaysia, Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin.

Dekan SPL, Prof. Madya Dr Mahmud Haji Sudin, telah mewakili Naib Canselor UMS bagi menerima anugerah di majlis penutupan berkenaan. Ketika ditemui beliau berkata Naib Canselor UMS, Prof. Dr Mohd. Harun Abdullah turut mengucapkan tahniah atas kejayaan ini.


"Naib Canselor turut mengucapkan tahniah atas anugerah ini dan beliau melahirkan rasa bangga kerana ini sekali gus membuktikan bahawa para pelajar UMS juga mempunyai ketrampilan dan daya saing tersendiri".

Mahmud juga menyatakan rasa syukur atas kejayaan yang disifatkannya sebagai amat bermakna ini.

"Saya amat bersyukur atas kejayaan yang amat bermakna ini. Ia bukan semudah yang difikirkan secara sekilas pandang. Sebagai peserta yang agak jauh dari Putrajaya, khususnya dari Kampus Sandakan, tanggungjawab pasukan kami amat berat. Keupayaan untuk membawa bersama bahan-bahan dari Sabah dalam kuantiti yang diperlukan sangat terhad," katanya.

"Namun, pasukan kami tetap bertekad cemerlang demi untuk menimba ilmu, sokongan kepada FLORIA 2012 dan juga untuk mengharumkan nama UMS. Usaha gigih terus dibuat mendapatkan bahan-bahan dari kawasan sekitar ibu negara.

"Dengan kos yang agak terhad, kreativiti menjadi perkara utama. Dan Alhamdulillah, berkat komitmen yang padu, segala jerih payah pasukan



ELEMEN tanaman vertical untuk mengoptimalkan penggunaan ruang sempit.



KONSEP dan rekabentuk laman 'Urban Eastern Garden' yang di persembahkan oleh SPL UMS.



SEBAHAGIAN dari 'Pasukan Floria 2012' SPL UMSKS memamifestasikan kegembiraan memenangi anugerah di FLORIA PUTRAJAYA 2012. Dari kiri - Mohd. Hafizul, Ahmad Safwan, Prof. Madya Dr Mahmud, Noor Fatin, Pazrinie, Abdul Haziq dan Abd Qadim.



ELEMEN 'ketimuran' laman Japanese yang dibawa oleh SPL UMSKS dalam FLORIA PUTRAJAYA 2012.

seuluh
 pelajar

UMSKS

dari Program

Hortikultur dan Landskap, di bawah bimbingan Cik Shahidah Mohd



GERBANG laman SPL UMSKS memancarkan aurora mengalu-alukan para pengunjung.



SUSUNAN ton dan tekstur warna yang harmoni selari dengan tema FLORIA PUTRAJAYA 2012 - 'Bunga Kertas Tetap Menawan'.

Shariff, pensyarah Senibina Landskap (Landscape Architecture) di UMSKS. Galakan awal juga turut diberikan oleh Dr Suzan@ Sarah Abdullah, Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar SPL dan juga Dr James Jupikely Silip selaku Ketua Program Hortikultur dan Landskap di kampus berkenaan.

Ahmad Haziq Hais, pelajar yang mengetuai pasukan Floria SPL ini, menyatakan konsep yang dipamirkan mengadunkan elemen-elemen pertanian moden Vertical Farming khususnya penggunaan secara lebih efisien ruangan yang sempit, begitu juga dimasukkan unsur-unsur aliran air lembut (ketimuran) sepertimana pada kebanyakan taman orang-orang di Jepun.

Seperkara lagi, adalah adanya landskap kejur sistem pengumpulan sampah secara teratur membawa mesej perlunya setiap orang menyayangi alam sekitar. "Kami percaya mesej-mesej kami difahami oleh para juri, sehingga kami memenangi anugerah ini berbanding dengan lain-lain peserta yang juga menyertai festival ini. Kami berterima kasih kepada pihak UMS, khususnya Dekan SPL kerana sentiasa memberi motivasi dan peluang untuk kami belajar dan menimba pengalaman yang amat berguna melalui penyertaan di festival yang unik ini".

Para pelajar SPL, UMSKS yang telah terpilih untuk berkampung bagi menyelenggara laman SPL di FLORIA 2012 ini terdiri dari Abdul Haziq Hais, Abd Qadim Fahimi Mohamad, Khairul Ikhwan Inche Abd ghani, Mohd. Hafizul Tamidi, Ahmad Safwan Awang, Pazrinie Mat Ali, Noor Fatin Azmi, Koh Eva, Lee Wei Hong dan Mohd. Hisyamudin Dollah Aspar. Pengunjung yang hadir, tidak melepaskan peluang untuk bergambar di laman UMS kerana terpesona dengan hamparan dekorasinya yang kreatif dalam suasana taman.